# pamiran grafik anak alam 3



pusat kraftangan
bukit nanas, k.l.
16-25 april, 1977

TDC MALAYSIA

**katalog**

| nama | no. | tajuk | media | harga |
|---|---|---|---|---|
| mohd yusoff osman | 1. | *post-landscape* | *cukilan kayu* | *$ 70/-* |
| | 2. | *post-landscape* | *cukilan kayu* | *$100/-* |
| | 3. | *post-landscape* | *gurisan* | *$ 70/-* |
| maryam hj. abdullah | 4. | *pengembaraan* | *cukilan kayu* | *$100/-* |
| | 5. | *peristiwa* | *cukilan kayu* | *$100/-* |
| | 6. | *empat penjuru tanpa tajuk* | *cukilan kayu* | *$100/-* |
| zulkifli mohd dahalan | 7. | *siri akrobat (i)* | *pensil* | *$200/-* |
| | 8. | *siri akrobat (ii)* | *pensil* | *$200/-* |
| | 9. | *siri akrobat* | *tinta* | *$ 80/-* |
| zainal abidin mohd shariff (zabas) | 10. | *sacrificial after math* | *gurisan* | *$150/-* |
| | 11. | *radicalism (ii)* | *gurisan* | *$100/-* |
| | 12. | *one more to go before the revolition* | *bahan campuran* | *$ 60/-* |
| mustapha hj. ibrahim | 13. | *pertemuan antara dzahir dan batin (VII)* | *cukilan kayu* | *$100/-* |
| | 14. | *pertemuan antara dzahir dan batin (IIX)* | *cukilan kayu* | *$150/-* |
| | 15. | *pertemuan antara dzahir dan batin (IX)* | *cukilan kayu* | *$100/-* |
| shahurin mohd | 16. | *apple (i)* | *gum bichromate* | *$150/-* |
| | 17. | *apple (ii)* | *gum bichromate* | *$100/-* |

| nama | no. | tajuk | media | katalog harga |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| tan kuan aw | 18. | *three blind monks* | *cukilan kayu* | *$150/-* |
| | 19. | *for the sake of (iii)* | *bahan campuran* | *$ 80/-* |
| | 20. | *for the sake of (iv)* | *gurisan* | *$ 80/-* |
| latiff mohidin | 21. | *langkawi (i)* | *cukilan lino* | *$250/-* |
| | 22. | *langkawi (ii)* | *cukilan lino* | *$250/-* |
| | 23. | *langkawi (iii)* | *cukilan lino* | *$250/-* |
| ponirin amin | 24. | *tanpa tajuk* | *sutrasaring* | *$ 80/-* |
| | 25. | *tanpa tajuk* | *cukilan lino* | *$ 80/-* |
| | 26. | *tanpa tajuk* | *gurisan* | *$ 80/-* |
| ahmed ghazie | 27. | *timur dan barat* | *bahan campuran* | *$100/-* |
| | 28. | *cinta* | *bahan campuran* | *$100/-* |
| | 29. | *tanpa tajuk* | *bahan campuran* | *$100/-* |
| zafaruddin zainuddin | 30. | *tegang* | *sutra saring* | *$250/-* |
| | 31. | *di celah ruang* | *sutra saring* | *$250/-* |
| | 32. | *gumpalan segi* | *bahan campuran* | *$150/-* |
| mansor ibrahim | 33. | *tanpa tajuk* | *sutra saring* | *$100/-* |
| | 34. | *tanpa tajuk* | *sutra saring* | *$100/-* |
| | 35. | *tanpa tajuk* | *sutra saring* | *$100/-* |

**prakata**

senicetak di malaysia mulai berkembang kirakira pada awal tahun enampuluhan dengan timbulnya karyakarya dari beberapa orang pelukispelukis tempatan dan dari jiran tetangga, kemudian diikuti pula dengan adanya pamiranpamiran senicetak olih pelukispelukis eropah yang dikelolakan olih kedutaankedutaan luar negeri dan olih balai senilukis-negara.

senicetak adalah satu dari cabang ekspresi kreatif yang berhubung rapat dengan seni lukis dan seniarca. pada lazimnya mediamedia seperti cukilan kayu, cukilan lino, gurisan dan sutrasaring saja digunakan, tetapi sekarang fotografi telah mulai diterima sebagai satu media yang cukup mengghairahkan.

akhirakhir ini beberapa bengkel senicetak telah dapat diusahakan. sekurangkurangnya tiga pusat senicetak telah dikenaliramai. dua darinya terletak di universiti sains malaysia, pulau pinang dan di institiut teknoloji mara, shah alam dan sementara satu lagi di studio anak alam, kuala lumpur.

pada keseluruhannya perkembangan senicetak di malaysia hari ini tidaklah begitu pesat. ini mungkin olih kerana pertama: kurangnya alatan yang lengkap, kedua: kegiatan kegiatan biasanya dilakukan olih pelukispelukis berseorangan dan berasingan. bagaimana pun, keadaan ini tidaklah hendaknya menjadi halangan, kerana yang penting adalah kreativiti itu sendiri, bukannya alatan yang lengkap. umpamanya ukiyo-e (tradisi seni cukilan kayu) berkembang di jepun tanpa alatan yang 'sophisticated'. pelukis pelukis seperti gauguin, munch, van gogh dan baskin telah dapat menghasilkan karyakarya agung mereka dengan hanya melalui cukilan kayu. sebagai perangsang kita haruslah mengkaji kembali selokbelok senicetak yang telah sedia ada dalam tradisi kebudayaan kita.

disini, seperti pamiranpamiran grafik yang lalu, kumpulan anak alam telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pamiran ini yang merupakan sumbangan karya bekas pelajar dari institiut teknoloji mara, universiti sains malaysia dan pelukis pelukis di studio anak alam, dengan harapan pertama: supaya pelukispelukis kontemporari dapat mempamirkan terus karyakarya grafik mereka dari masa kesemasa, kedua: supaya pelukispelukis yang baru muncul mendapat dorongan darinya dan terakhir sekali supaya minat umum terhadap senicetak khasnya tetap ada dan berberkembang dalam kehidupan senirupa masakini.

© A·RAHMAN B. HJ. MOHAMED.